

Dr Mahathir akui PH sukar tunai janji pilihan raya

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui Kerajaan Pakatan Harapan (PH) sukar menunaikan manifesto pilihan raya umum lalu, termasuk janji memansuhkan beberapa undang-undang drakonian.

Sambil menyifatkan kerajaan diterajunya kini menjadi mangsa kepada manifesto itu, Perdana Menteri berkata, janji itu tidak mudah dilaksana apatah lagi dengan kedudukan kerajaan yang tidak mempunyai mandat dua pertiga di Dewan Rakyat.

“Sebenarnya, kami ingat kami akan kalah, jadi kami letak perkara yang susah (untuk dilaksanakan) dalam manifesto, supaya jika kami kalah, kerajaan (terdahulu) akan terperangkap.

“Tetapi sekarang kami sudah menjadi kerajaan dan kami jadi mangsa kepada manifesto kami sendiri,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Perlembagaan dan Peraturan Perundangan LAWASIA di sini, semalam.

Dr Mahathir juga mengakui kerajaan berdepan kekangan tertentu untuk memenuhi setiap janjinya, tetapi menegaskan keadaan ini berbeza dengan menabur janji kepada rakyat yang ternyata lebih mudah.

Katanya, gesaan berterusan daripada rakyat dan pelbagai pihak yang mahu kerajaan memansuhkan undang-undang tertentu, sukar dikotakan biarpun PH sudah menerajui Kerajaan Ppusat.

“Rakyat tidak sabar, mereka mahu undang-undang ini dimansuh segera. Itu tak mungkin dapat dilakukan. Hari ini, kami dikritik kerana tidak mengotakan janji.

“Memang mudah membuat janji ketika pilihan raya, tetapi tidak mudah mahu tunaikan bila sudah menang pilihan raya,” katanya.

Dalam manifesto pilihan raya umum lalu, PH memberi komitmen untuk menghapuskan Akta Hasutan 1948; Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU); Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Akta Majlis Keselamatan Negara 2014.

PH juga berjanji memansuhkan beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Kesalahan Keselamatan, Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Mengulas mengenai demonstrasi berterusan di Hong Kong, Dr Mahathir berpandangan Ketua Eksekutif Hong Kong, Carrie Lam, seharusnya meletakkan jawatan bagi elak keadaan lebih runcing di wilayah berkenaan.

“Hakikatnya dia (Lam) kini dalam dilema, dia perlu patuh kepada tuan, pada masa sama, bertanya nuraninya. Nuraninya berkata rakyat Hong Kong di pihak yang betul dalam menolak undang-undang. Tetapi dia tahu akibat menolak undang-undang.

“Ia pernah terjadi dalam peristiwa Tiananmen di China. Rakyat yang berdemonstrasi ada pertalian keluarga dengan askar di kawasan itu. Apa yang mereka buat, bawa askar dari kawasan lain dan ambil tindakan keras untuk menamatkan demonstrasi.

“Saya rasa akhirnya itulah akan dilakukan China, tetapi bagi pentadbir, saya rasa jalan terbaik adalah letak jawatan,” katanya.